



RAMKARPAL Singh

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan memastikan pembangunan baharu dicadangkan di ibu negara tertakluk kepada kajian impak trafik yang merangkumi tahap perkhidmatan jalan masa kini dan unjuran trafik masa hadapan.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) Ramka-

rpal Singh berkata, penambahbaikan infrastruktur disyor berdasarkan hasil unjuran trafik masa depan. Katanya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengadakan perancangan lalu lintas lebih menyeluruh dan bersepadu sebagai inisiatif penyelesaian jang-

# Pembangunan baharu ikut kajian impak trafik

ka panjang bagi menangani masalah kesesakan.

“DBKL juga beri tumpuan kepada pembangunan pengangkutan awam yang mesra pengguna, efisien dan mudah akses bagi capai sasaran 70 peratus penggunaan pengangkutan awam menjelang tahun 2040.

“Di antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti

perkhidmatan bas GOKL, laluan khas bas, laluan basikal, laluan pejalan kaki dan akses maklumat laluan atau perkhidmatan bas se-

masa melalui aplikasi digital,” katanya. Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Datuk **Muhammad Bakhiar Wan Chik (PH-Balik Pulau)** mengenai usaha menterian bagi menghadapi cabaran pembangunan berterusan di Kuala Lumpur, memandangkan kadar pertumbuhan penduduk semakin meningkat.